



**7 RAHSIA
MENANAM SAYUR
DI DALAM PASU / BEKAS**

OLEH: IZHAM ALIAS

Berkebun dengan menggunakan bekas seperti botol plastik, polibeg atau pasu boleh menjadi satu perkara yang menyeronokkan. Ia amat sesuai bagi sesiapa yang tiada kawasan yang luas untuk menanam. Tidak kira kita tinggal di rumah teres mahupun apartment. Yang penting ada semangat untuk berkebun! Sesiapa pun boleh belajar cara tanam sayur dalam pasu.

Saya kongsi 7 rahsia berkebun dengan menggunakan pasu di rumah.



1. MULAKAN DENGAN SOALAN

Sebelum kita bermula, tanya diri kita dahulu.

Apakah tanaman yang kita nak tanam? Adakah ia jenis cepat tumbuh, mudah dan menjadi keperluan harian? Atau tanaman yang sukar dan jarang kita makan?

Apakah jenis pasu akan kita guna? Plastik, tanah liat, simen atau pun bekas guna semula seperti botol minuman dan botol minyak?

Bilakah kita akan mula menanam? Adakah hujung minggu ini atau bulan hadapan?

Lokasi penanaman pula? Di hadapan rumah, di kaki lima rumah, di porch kereta, di belakang rumah, di balkoni, di tepi tingkap ataupun di tempat pejalan kaki?

Berapa kali perlu kita siram pokok kita? Sekali sehari atau dua kali sehari? Lain tumbuhan lain ragamnya.

Kalau kita bercuti, siapa nak siram?

Perkara pertama yang perlu kita perlu ambil perhatian adalah di mana lokasi pasu kita ingin berkebun.

Lokasi tersebut biarlah mempunyai tempat pengaliran air yang baik. Kita tidak mahu apabila kita menyiram nanti, air yang mengalir di bontot pasu mengotorkan kawasan rumah kita.

Walaupun begitu, kita boleh menggunakan alas pasu bagi mengelak hal ini berlaku.

Jika kita duduk di rumah teres, kita boleh letak pasu di tempat yang ada cahaya matahari pagi dan petang.

Jika di apartment, kita boleh letak di balkoni.



2. PILIH MEDIA SEMAIAN KHAS

Media di sini dimaksudkan adalah jenis-jenis tanah yang boleh kita gunakan untuk bertanam. Ada yang guna tanah campur, tanah bakar ataupun kompos sebagai media dalam pasu kita. Untuk penanaman pasu, lebih elok kita guna media yang tidak berat seperti kompos. Campuran kompos dan tanah atas (top soil) sangat disarankan. Di samping kompos boleh menjadi baja, ia juga bertindak sebagai media yang bagus untuk penanaman pokok kita seperti tanaman sayur. Ringan adalah kunci utama untuk penanaman dalam pasu.

Saranan saya, anda boleh gunakan campuran media nisbah **3:2:1**

3 tanah atas / tanah hitam / tanah campur

2 bahan organik (sabut kelapa hancur atau cocopeat / tinja ayam, arnab, lembu, atau kambing yang telah diproses / kompos)

1 pasir halus (boleh guna pasir buat rumah. Pastikan ditapis agar dapat yang halus)

Mudah sahaja untuk buat campuran ini.

1. Ambil sebuah baldi. Masukkan tanah atas. Kemudian tabur di atas kawasan lapang. Buat sehingga tiga kali.
2. Selepas itu masukkan pula bahan organik. Buat sebanyak dua kali.
3. Akhir sekali masukkan pasir seabaldi.
4. Gaulkan ramuan tersebut dengan skop
5. Siap

Campuran 3:2:1 ini sangat sesuai untuk semua jenis tanaman yang ditanam di dalam pasu.

Walaupun begitu, jika kita tidak mempunyai masa untuk membuat campuran media seperti di atas, guna sahajalah campuran tanah yang dijual di nurseri pokok. Beli dahulu satu beg dan cuba tanam kangkung. Kenapa kangkung? Kerana ia tanaman yang paling mudah tumbuh dan jaga pada apa-apa jenis tanah pun.

Jika berjaya, bermakna anda boleh cuba pada tanaman lain pula seperti salad, terung, bendi dan cili.



3. PILIH JENIS DAN SAIZ PASU SESUAI

Setiap saiz pasu yang kita gunakan menghasilkan saiz sayur yang berlainan. Saiz pasu penting kerana jika terlalu kecil saiz pasu, tanah di dalamnya akan cepat kering. Kita terpaksa siram selalu. Walhal masa kita di kebun bukanlah selalu.

Jika terlalu besar pula, merugikan. Kos kita masukkan tanah campur dan baja bukanlah murah.

Jadi, pilih saiz yang sesuai untuk setiap jenis tanaman.

Saya suka sarankan untuk anda guna sahaja pasu plastik atau bahan guna semula contohnya botol minuman dan botol minyak masak. Kenapa? Sebab apabila berkebun, kita mahu kerja kita senang. Pasu tanah liat berat untuk kita angkat. Apatah lagi jika berkebun seorang diri dengan si suami hanya menjeling sahaja. Ha. Tak ke penat kita nanti?

Maka pilih bekas yang ringan. Tentunya bekas jenis plastik adalah bekas yang sesuai untuk kita.



4. MULAKAN DENGAN TANAMAN MUDAH

Kita juga perlu tahu jenis tanaman apa yang hendak kita tanam di dalam bekas. Lain tanaman lain penjagaannya. Untuk pemula, saya cadangkan kita menanam kangkung, bayam, sawi dan bawang kerana tanaman ini sangat senang tumbuh. Apatah lagi tempoh menuainya cepat iaitu sekitar 25-30 hari selepas bercambah.

Cuba tanam dahulu di dalam bekas dan lihat perkembangannya di lokasi yang telah kita pilih. Kemudian apabila sudah menuai tanaman tersebut, boleh cuba dengan tanaman lain. Mulakan sedikit demi sedikit, lama-lama menjadi bukit. Apa yang penting? – Pengalaman.



KANGKUNG



SAWI



BAYAM



5. BUAT PENGAIRAN

Ramai yang ingat tanam menggunakan bekas tidak perlukan sistem pengairan yang baik. Jangan keliru istilah pengairan dengan penyiraman. Pengairan bermaksud air siraman diserap oleh pokok manakala lebih air disalurkan keluar dari bekas tanaman. Kebanyakan sayur dan pokok buah tidak tahan genang air di dalam bekas. Akar tumbuhan akan lemas dan seterusnya boleh menyebabkan kematian pokok.

Pastikan setiap bekas yang kita gunakan mempunyai lubang pengairan dibawahnya agar lebih air siraman mengalir keluar dari pasu. Ingat! Kita tidak tanam pokok air tetapi kita tanam pokok darat.



Letakkan batu kerikil atau serpihan pasu pada lubang itu bagi menahan daripada tanah mengalir keluar dari pasu.



6. PILIH SISTEM SIRAMAN SESUAI

Terdapat dua sistem siraman iaitu manual dan automatik. Biasanya kita lebih senang untuk menggunakan sistem siraman manual iaitu dengan terus menyiram dari paip air ataupun tong siraman.

Apabila menyiram dengan getah paip, pastikan kita gunakan siraman halus. Jangan terus curah air ke atas pasu kita. Saya ulang, jangan!

Sebab apa? Kerana nanti habis tanah terkeluar. Entah biji benih kita pun akan turut terkeluar akibat tekanan air yang terlalu kuat.

Ambil dan siram perlahan sahaja. Jangan terlalu excited sampaikan habis tanah di dalam pasu terkeluar dek siraman kita itu.

Sebab itu saya lebih sarankan guna sahaja tong siram. Tong siram mengeluarkan air seperti air hujan turun. Deras tapi kecil.

Walaupun kaedah ini mudah tetapi tetap ada masalah. Apabila kita bercuti nanti, siapa nak siram pokok kita? Terutama jika jiran-jiran turut bercuti.

Terdapat beberapa inovasi yang boleh kita gunakan untuk menyiram secara automatik. Jika ada duit lebih, boleh kita upgrade menggunakan sistem titisan

berasaskan sistem fertigasi. Tetapi jika ingin jimat kos, guna sahaja siraman automatik menggunakan bahan terbang.

Mudah sahaja.

Bahan:

1. Botol minuman 1.5 L

Alat:

1. Paku
2. Jarum peniti
3. Tukul

Kaedah:

1. Ambil penutup botol 1.5 L
2. Tebuk satu atau dua lubang dengan paku.
3. Di bahagian kiri botol itu, tebuk satu lubang halus dengan jarum peniti. Ini berfungsi untuk menghasilkan gelembung air apabila air mula diserap oleh tanah
4. Siram air di dalam pasu. Bagi sampai lembab. Ini agar jerapan air di dalam botol terus berfungsi apabila muncung botol mula terbenam di dalam tanah
5. Benamkan kepala botol ke dalam tanah bersebelahan pokok

Persoalan yang sering saya dapat, berapa lamakah kaedah ini akan bertahan?

Jawapan saya mudah sahaja, untuk cuaca normal, dua hingga tiga hari. Jika terlalu panas, sekitar satu atau dua hari.

Tetapi saya buat tidak menjadi pun? Nah, bukankah saya kata tiada jawapan tetap dalam hal ini? Apa yang penting adalah kita terus mencuba. Seperti yang saya katakan sebelum ini – pengalaman adalah yang utama apabila berkebun. Belajar daripada situ!



 **KEBUN
BANDAR**™





7. BAGI MAKANAN TUMBUHAN DENGAN BAJA

Pembajaan amat penting kepada pokok yang tumbuh di dalam bekas. Jika di atas tanah, akar pokok boleh menjalar jauh mencari sendiri air dan nutrien tetapi tidak di dalam bekas. Akar hanya mampu mengambil apa yang ada.

Oleh itu selalulah bekalkan baja organik kepada tanaman. Antara baja organik terbaik adalah kompos

Tetapi saya tak mahu membaja. Apa? Saya tak kisah pun. Tetapi lihatlah kesan pada dua tiga kali selepas kita menanam di dalam pasu yang sama. Pokok anda akan semakin kurang mengeluarkan hasil. Jika tanam kangkung, kangkung akan semakin kurus dan tak bermaya. Nah, bukankah sebab saya sudah kata pokok juga memerlukan makanan? Dan makanan untuk mereka adalah baja!

Selain itu, siraman air basuhan beras juga bagus untuk tanah. Air basuhan beras mengandungi makanan kepada mikrob di dalam tanah. Apabila mikrob mendapat makanan yang cukup, mereka mampu mengurai bahan-bahan organik di dalam tanah yang seterusnya memberi baja kepada pokok kita.

Air rendaman kulit bawang juga bagus. Sisa kulit bawang jangan dibuang. Kita ambil dan rendam di dalam air semalaman. Air rendaman tersebut kaya dengan unsur K yang membantu pembungaan pokok.

Apa lagi sisa dapur yang boleh kita letak?

Air basuhan ikan. Siram keliling pokok.

Sisa perut ikan. Tanam di dalam pasu. Jangan letak di atas pasu! Nanti semut dan lalat akan datang. Jika tanam, insya-Allah kurang bau. Dan yang paling penting pokok kita akan subur dengan manfaat yang banyak dari itu!



KESIMPULAN

Bercucuk tanam di rumah sebenarnya mudah. Kita hanya perlu bertanya kepada diri kita soalan yang betul, sediakan media tanaman sesuai, pilih tanaman dan pasu sesuai, mulakan dengan tanaman yang mudah, pastikan air mengalir dengan baik, siram dengan betul, dan berikan makanan kepada tanaman kita.

Sudah baca rahsia ini?

Nah mulakan hari ini juga menanam. Jangan tunggu lama-lama!

Selamat berkebun semua!